

**TITAH UCAPAN  
D.Y.T.M. TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI  
D.Y.M.M. TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL  
RAJA MUDA PERLIS  
MERANGKAP TUANKU CANSELOR UniMAP  
SEMPENA MAJLIS MERAIKAN MEMPELAI  
PADA 27 JULAI 2011 DI DEWAN 2020**

---

Bismillahirrahmanirahim.

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua maka dapatlah kita bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Meraikan Mempelai UniMAP.

Masih belum terlambat rasanya untuk saya mengucapkan Selamat Pengantin Baru kepada semua staf UniMAP yang diraikan pada malam ini. Semoga ikatan perkahwinan yang dibina berkekalan hingga ke akhir hayat. Amin

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin di atas inisiatif untuk menganjurkan majlis pada malam ini. Sekalung terima kasih juga saya ucapkan buat semua jawatankuasa di atas komitmen yang diberikan bagi menjayakan majlis malam ini.

Sesungguhnya Majlis Meraikan Mempelai ini merupakan platform terbaik universiti dalam usaha mengeratkan hubungan silaturrahim sesama staf. Selain itu, saya akui bahawa Naib Canselor UniMAP sangat mengambil berat akan kebajikan stafnya. Majlis ini sebagai bukti bagi menunjukkan betapa prihatannya pihak Pengurusan UniMAP terhadap stafnya yang baru mendirikan rumah tangga. Mungkin UniMAP satu-satunya universiti yang melaksanakan majlis seperti ini. Tahniah dan berikan tepukan gemuruh buat Naib Canselor dan seluruh warga UniMAP.

Menempuh alam rumahtangga bukanlah sesuatu perkara yang mudah, apatah lagi laporan didada-dada akhbar banyak mengisahkan masalah penceraian yang timbul dikalangan pasangan muda yang baru mendirikan rumah tangga. Kenapa hal ini boleh berlaku sedangkan untuk mendirikan rumah tangga perlu ada persetujuan dari kedua belah pihak?

Saya menyeru kepada pasangan-pasangan pengantin baru dihadapan saya ini supaya sentiasa bijak menyelesaikan masalah yang timbul dengan waras agar penceraian tidak berlaku dengan sewenangnyanya.

Saya berharap, semua pasangan pengantin dihadapan saya ini juga akan menjadi menantu dan anak yang baik kerana restu daripada ibu bapa adalah tunjang utama kebahagiaan dalam rumah tangga.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bagi pasangan yang beragama Islam, Islam telah meletakkan landasan yang jelas terhadap sesebuah ikatan **perkahwinan**, iaitu pembinaannya mestilah di atas asas agama, bukannya nafsu semata-mata.

Oleh itu, rumahtangga yang harmoni dan bahagia akan terbentuk melalui rasa tanggungjawab masing-masing dengan sempurna, kerana **perkahwinan** yang diikat melalui akad **perkahwinan** bertujuan membentuk peribadi dan mengajak pasangan tersebut supaya berkongsi pendapat, masa, cara hidup untuk sama-sama menunaikan tanggungjawab masing-masing kearah keluarga yang bahagia.

Keluarga yang baik dan harmoni akan dapat melahirkan masyarakat yang baik juga, melalui proses pembentukan peribadi dan jiwa anak-anak, yang mana semua itu bermula daripada sebuah keluarga. Masyarakat dan negara tidak akan maju dan tidak sempurna jika ahli keluarga yang mendiami sesebuah negara itu pincang.

Hadirin sekalian,

Selain itu, setelah bergelar ibu bapa, memelihara dan mendidik anak dengan sebaik-baiknya adalah kebaktian yang besar terhadap agama, nusa dan bangsa. Sebaliknya mensia-siakan pendidikan dan pemeliharaan anak, bererti mereka telah merosakkan negara. Hal ini kerana kekurangan didikan dan pemeliharaan anak akan menyumbang kepada masalah sosial yang sangat kita takuti dewasa ini. Tambahan pula seperti yang kita maklum, kerosakan batin manusia itulah yang menjadi pokok pangkal kerosakan negara.

Sebagai asasnya, ibu bapa sebagai pendidik perlulah menggembleng sepenuh tenaganya dan cuba sentiasa memfokuskan perhatian terhadap melaksanakan segala perintah yang diturunkan Allah S.W.T. Keyakinan beragama perlulah dipupuk sehingga menjadi darah daging dalam kehidupan. Sudah pasti anak akan membesar di atas dasar iman dan taqwa dan akan bertapak padanya akhlak dan budi pekerti yang mulia.

Perlulah diingatkan bahawa sebagai ibu atau bapa, kita terlebih dahulu harus memiliki akhlak yang mulia. Dengan akhlak mulia yang dapat dicontohi, ibu bapa menjadi teladan kepada anak-anak. Namun sekiranya ibu bapa sendiri yang ketandusan akhlak mulia seperti pengasih, penyayang, bersopan santun, berbudi pekerti mulia bagaimana untuk mereka 'mengeksport' kemuliaan itu kepada orang lain khususnya kepada anak-anak.

Akhir kata saya mendoakan agar semua pasangan yang diraikan hari ini kekal bahagia hingga akhir hayat.